

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 OKTOBER 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 37

Petronas, Petros perluas kerjasama

Petronas, Petros perluas kerjasama

Oleh MOHAMAD HAFIZI
MOHD SAID
ekonomutusan@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Petroliam Nasional Bhd. (Petronas) bersama Petroleum Sarawak Bhd. (Petros) menandatangani dua perjanjian melibatkan peluang kerjasama di bawah Pelan Hala Tuju Gas Sarawak dalam membangunkan industri tenaga negeri berkenaan.

Petronas dalam kenyataan memaklumkan, syarikat berkenaan telah memeterai Perjanjian Induk (HOA) dalam meluaskan penggunaan gas asli di Sarawak untuk membekalkan 60 juta kaki padu standard sehari (MMSCFD) gas menjelang 2026 kepada stesen jenakausa turbin gas kitaran gabungan 400MW di Miri.

"Selain HOA, Petronas dan Petros juga akan bekerjasama rapat untuk mewujudkan penangkapan penyimpanan karbon (CCS) sebagai peluang perniagaan baharu melalui kajian pelan hala tuju ekosistem CCS, dalam meletakkan Sarawak sebagai hab 'pensekuesteran' serantau.

"Kedua-dua pihak juga akan berusaha menarik penyertaan syarikat-syarikat Sarawak dan pembangunan bakat tempatan dalam bidang baharu ini," kata kenyataan itu.



KETUA Pegawai Petros, Janin Girie (dua dari kiri) dan Adif Zulkifli (dua dari kanan) menunjukkan dokumen perjanjian antara Petronas dan Petros sambil disaksikan oleh Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

Tambahnya, ketika industri beralih ke arah masa depan rendah karbon satu perjanjian kerjasama bersama (JCA) telah dimeterai dalam memudahkan pengawasan pembangunan CCS dan operasinya di Sarawak selain menjadikannya lebih rasmi.

"Kedua-dua HOA dan JCA telah ditandatangani pada 19 Oktober lalu pada majlis memperin-

gati ulang tahun kelima Petros," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Huluan Petronas, Datuk Adif Zulkifli berkata, sebagai rakan kongsi jangka panjang Sarawak, Petronas akan terus memainkan peranannya di negeri berkenaan.

"Petronas terus memainkan

peranan dalam membangunkan industri minyak dan gas yang mampar dan progresif dalam landskap peralihan tenaga, melalui projek kelas dunia seperti pembangunan gas Kasawari yang merangkumi aplikasi teknologi 'pensekuesteran' karbon.

"Pada masa sama Petronas juga akan terus menarik pelabur baharu ke dalam sektor huluan

bagi menyokong peningkatan permintaan gas seperti yang dibayangkan dalam Pelan Hala Tuju Gas Sarawak," katanya.

Pada masa sama, anak syarikat milik penuh Petronas, Petronas Carigali Sdn. Bhd. (PCSB) telah memeterai Perjanjian 'Farm Out' dengan Petroleum Sarawak Exploration and Production Sdn. Bhd. (PSEP).